



PELAN STRATEGIK UTeM 2023-2025

UNIVERSITI TEKNIKAL
MALAYSIA MELAKA



*Menjajar Universiti
Melonjak ke Hadapan*



PELAN STRATEGIK UTeM 2023-2025

**UNIVERSITI TEKNIKAL
MALAYSIA MELAKA**



*Menjajar Universiti
Melonjak ke Hadapan*

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

CETAKAN PERTAMA 2023

Laman Kreatif UTeM ialah imprint yang digunakan untuk menerbitkan karya berbentuk bukan ilmiah di bawah Penerbit UTeM Press. Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan dalam sebarang bentuk menggunakan sebarang alat sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Penerbit UTeM Press, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Penaung:

YBrs. Profesor Ts. Dr. Massila Kamalrudin

Ketua Editor:

YBrs. Profesor Madya Ts. Mohd Rahimi Yusoff

Penyelaras & Penyunting:

Profesor Madya Ts. Dr. Sharifah Sakinah Syed Ahmad

Idamurni Ismail

Siti Zarifah Sarif

Editor Naskhah:

Ts. Dr. Ruziah Ali

Fatonah Salehuddin

Pereka Kulit:

Suria Abdul Rahman

Pengatur Huruf:

Suria Abdul Rahman

Ahmad Saufie Jaffar

Diterbitkan dan Dicetak di Malaysia oleh:

Penerbit UTeM Press

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka, Malaysia.

Tel: +606 270 1241

Faks: +606 270 1038

Kandungan

Sekapur Sirih Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti	4
Seulas Pinang Naib Canselor	6
Glosari	8
Pengenalan UTeM	12
Visi, Misi & Moto UTeM	14
Sasaran Pendidikan	15
Nilai-nilai Teras UTeM	16
Senario Terkini Penarafan UTeM	18
Menjajar Universiti Melonjak ke Hadapan	21
5 Teras Strategik	22
ST1 Memperkasa TVET, Meluncur Kerjaya	29
ST2 Mempromosi RICE, Menjana Pendapatan	63
ST3 Menjuarai Khidmat Insani, Mengundang Kesejahteraan	87
ST4 Mencetuskan Ekosistem Rancak, Melestarikan Universiti	141
ST5 Mengembangkan Nilai, Menggamit Kemakmuran	199
Kriteria <i>Quacquarelli Symonds (QS) Rankings</i>	253
Kriteria <i>Times Higher Education (THE) Rankings</i>	254
Pasukan <i>Formula One</i> UTeM	255
Sidang Editorial Dokumen Pelan Strategik Universiti Teknikal Malaysia Melaka 2023-2025: 5 Teras Strategik (5ST)	258

Sekapur Sirih

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Bismillahirrahmannirrahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam UTeM Ku Sayang, Menjajar Universiti Melonjak ke Hadapan

Syukur Alhamdulillah kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah berjaya menghasilkan Pelan Strategik Universiti Teknikal Malaysia Melaka 2023–2025: **Menjajar Universiti Melonjak ke Hadapan.**

Selaras dengan transformasi negara, UTeM telah membangunkan Pelan Strategik UTeM 2023–2025 yang menggariskan hala tuju dan bidang fokus UTeM bagi tempoh tiga (3) tahun bermula 2023 sehingga 2025. Pelan Strategik UTeM 2023–2025 dibentuk daripada penjajaran semula Pelan Strategik UTeM agar sejajar dengan situasi pasca COVID-19 terutama hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi melalui Strategi tujuh (7) Sejahtera IPT, Pelan Rancangan Malaysia ke Dua Belas (RMK 12), Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035, Penarafan UTeM, Pelan Pendigitalan dan Penstrukturan Organisasi yang berlaku di UTeM.

Pelan Strategik UTeM 2023–2025 merupakan pelan strategik yang sangat bermakna kepada universiti. Ini kerana pelan strategik ini mengandungi teras strategik, Inisiatif Strategik (IS), Indikator Inisiatif Strategik (IIS), Pelan Tindakan (PT) dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang dipertanggungjawab oleh setiap Pusat Tanggungjawab (PTj), Pusat Berkuasa Universiti (PBU) dan UTeM Holdings Sdn. Bhd.



Pelan Strategik UTeM 2023-2025 mengandungi lima (5) teras iaitu Memperkasa TVET, Meluncur Kerjaya; Mempromosikan RICE, Menjana Pendapatan; Menjuarai Khidmat Insani, Mengundang Kesejahteraan; Mencetus Ekosistem Rancak, Melestarikan Universiti dan Mengembangkan Nilai, Menggamit Kemakmuran. Sebanyak 33 Inisiatif Strategik (IS), 74 Indikator Inisiatif Strategik (IIS), 175 Pelan Tindakan (PT) dan 358 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah dikenal pasti dalam usaha memacu PTj, PBU dan UTeM Holdings Sdn. Bhd. untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada kumpulan sasaran pada masa akan datang.

Pelan strategik ini telah melalui beberapa fasa perbincangan, bengkel dan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan. Sekalung penghargaan kepada Naib Canselor dan Pasukan *Formula One* UTeM yang telah bertungkus lumus membangunkan Pelan Strategik UTeM 2023-2025.

Dengan pembangunan Pelan Strategik UTeM 2023-2025 ini, saya mengharapkan agar pelan strategik ini menjadi panduan dan rujukan kepada warga UTeM di semua peringkat dalam merancang, memantau dan menilai program atau aktiviti yang hendak dilaksanakan hendaklah berdasarkan Pelan Strategik UTeM 2023-2025 dan penarafan *QS World University Rankings* (QS WUR).

Semoga UTeM akan terus maju ke hadapan menjadi sebuah universiti teknikal yang terpilih dan tersenarai dalam penarafan QS WUR menjelang 2025.

Sekian, wassalam.

DATUK SERI DR. HASIM HASAN
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Seulas Pinang Naib Canselor

Bismillahirrahmannirrahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam UTeM Ku Sayang, Menjajar Universiti Melonjak ke Hadapan

Segala pujian dan ucapan kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang telah memberikan kemudahan dan melimpahkan hidayah, rahmat dan barakah serta keizinan dalam penghasilan dokumen Pelan Strategik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) 2023-2025 ini. Penghasilan dokumen ini merupakan usaha perancangan strategik yang holistik dengan memastikan keterlibatan secara langsung dan tidak langsung dari semua pihak yang berkepentingan sebagai mekanisme utama untuk merealisasikan visi dan misi universiti ini.

Bagi memenuhi kehendak semasa dan cabaran global, Pelan Strategik UTeM 2023-2025 ini telah melalui peringkat pemurnian dan pemerkasaan menerusi perbincangan strategik Program Retreat Lembaga Pengarah Universiti (LPU). Perbincangan ini merupakan penglibatan optimum dari keahlian dari Lembaga Pengarah Universiti, Senat Universiti dan Majlis Eksekutif Universiti. Perbincangan ini telah berjaya menghasilkan resolusi baharu untuk memperhebatkan lagi kecemerlangan dan kegemilangan Universiti pada masa hadapan atas tujuan dan hasrat memenuhi kehendak dan keperluan pemegang taruh universiti seperti Kementerian Pendidikan Tinggi, industri, komuniti, pelajar, ibu bapa dan lain-lain pihak yang berkepentingan.

Pelan Strategik UTeM 2023-2025 ini dihasilkan berdasarkan aspirasi murni dengan melalui beberapa proses penetapan hala tuju, mengenal pasti masalah dan isu-isu strategik serta penggubalan strategi-strategi utama ke arah pencapaian objektif dan sasaran terutamanya dalam bidang kecemerlangan akademik, penyelidikan, jaringan industri-komuniti, pengantarabangsaan dan agenda penarafan UTeM. Ia juga merupakan satu usaha dan anjakan holistik terhadap visi dan misi Universiti serta perancangan masa hadapan universiti. Perubahan perspektif dan keperluan pendidikan tinggi yang dipengaruhi oleh agenda globalisasi dan pasca COVID-19 turut mengubah beberapa pendekatan dan objektif terdahulu seiring dengan kehendak semasa dan masa hadapan.



Pembentukan Pelan Strategik UTeM 2023–2025 merupakan komitmen Universiti sebagai Universiti Awam teknikal pertama di Malaysia untuk menyediakan dan memastikan kelangsungan perancangan dan pelaksanaan tindakan strategik bagi menyokong aspirasi negara, selain dijadikan sebagai panduan kepada warga Universiti, sama ada di peringkat PTj/PBU mahupun individu dalam membuat perancangan dan tindakan strategik seiring dengan visi dan misi UTeM.

Agenda utama transformasi dalam Pelan Strategik UTeM 2023–2025 ini ialah memartabatkan UTeM sebagai sebuah organisasi pendidikan yang berwibawa bagi melonjakkan lagi sektor pendidikan tinggi teknikal ke puncak kecemerlangan serta dapat menghasilkan dapatan yang memiliki daya saing, inovatif, kreatif dan terlatih demi pembangunan masa hadapan. UTeM sentiasa merintis dan sentiasa menerajui pendidikan tinggi teknikal negara yang berfokuskan kepada Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (*Technical and Vocational Education and Training*) sebagai keutamaan bagi meningkatkan lagi potensi dan kompetensi sumber manusia bagi mendukung pembangunan dan kemajuan negara di masa hadapan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Pasukan *Formula One* UTeM dan semua pihak di UTeM di atas usaha, semangat, dedikasi dan komitmen dalam penghasilan Pelan Strategik UTeM 2023–2025. Dokumen ini adalah sebuah hasil murni dan kesungguhan Universiti dalam usaha mengukuhkan strategi kecemerlangan akademik yang lebih cemerlang. Seluruh warga UTeM akan menjadikan dokumen ini sebagai satu panduan dalam pelaksanaan pelan tindakan dan sasaran tahunan di setiap fakulti, institut, pusat, dan pejabat untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan dan boleh dicapai seiring dengan hasrat utama UTeM untuk merintis dan menerajui kegemilangan pendidikan tinggi teknikal di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PROFESOR TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN
Naib Canselor

Glosari

Air terawat	- Pemprosesan air bertujuan minuman melibatkan rawatan seperti pemisahan pepejal menggunakan kaedah fizikal iaitu enapan dan penapisan, kimia seperti penyahjangkitan dan penggumpalan. Proses biologi juga digunakan dalam rawatan air buangan dan proses ini termasuklah lagun berudara, enap cemar diaktifkan atau turas pasir perlahan.
Alat (<i>tools</i>) Pengurusan) yang Mesra (Sistem/SOP)	- Merujuk kepada sebarang alat sama ada sistem atau proses kerja yang boleh dipermudahkan bagi memastikan sistem tadbir urus yang mapan dan mesra.
Automasi Bangunan	- Sistem yang digunakan untuk mengawal operasi sistem bangunan seperti hawa dingin berpusat, udara termampat berpusat, lif penumpang, utiliti air, bekalan elektrik dan lain-lain lagi.
Cekap tenaga	- Matlamat untuk mengurangkan jumlah tenaga yang diperlukan untuk menyediakan produk dan perkhidmatan dengan menggunakan tenaga yang efisien dan pemilihan produk elektrik.
<i>Collaborative space</i>	- Ruang perpustakaan yang boleh digunakan untuk tujuan yang pelbagai seperti bekerja, belajar, bermain dan bersosial untuk dimanfaatkan oleh pengguna, termasuk mengadakan program dan aktiviti.
EMGS	- <i>Energy Management Gold Standard</i> (EMGS) ialah pengiktirafan yang diberikan di bawah AEMAS, kepada pengguna akhir yang telah berjaya melaksanakan tenaga lestari.
<i>F1 Team</i>	- Jawatan strategik yang merujuk kepada Jawatan Giliran yang disandang oleh Pentadbir Akademik dan Pentadbir Pengurusan. "Pentadbir Akademik" ertinya Staf Akademik yang dilantik memegang Jawatan Giliran di Universiti. "Pentadbir Pengurusan" ertinya Staf Pentadbiran yang dilantik memegang Jawatan Giliran di Universiti.
<i>Fit for Security</i>	- Program bersama yang dirancang untuk diadakan oleh Pejabat Keselamatan bersama staf dan pelajar bagi mempromosi gaya hidup sihat di samping menggalakkan interaksi berkaitan keselamatan di dalam Kampus.
Ilmuwan Teknikal	- Seseorang yang mengkaji, mencipta dan meningkatkan teknologi dan inovasi produk serta pakar dalam aplikasi teknologi dan impaknya. Ia juga mempunyai pengetahuan teknologi relevan yang diiktiraf dan dirujuk oleh industri dan komuniti.

Indeks Kesejahteraan Keluarga UTeM	- Kajian tahap kesejahteraan staf UTeM yang dikategorikan kepada empat (4) kategori, sangat sejahtera, sejahtera, sederhana sejahtera dan kurang sejahtera merangkumi lima (5) tema iaitu sejahtera emosi, sosial, hidup, kerjaya dan mental.
Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)	- Projek pembangunan yang kaedah pembiayaannya diselia dan dikawal oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri.
Jalan pesisir Kampus Induk UTeM	- Jalan yang akan dibina di sebelah timur Kampus Induk UTeM untuk lencongan kenderaan orang awam dari Melaka Tengah ke kawasan Jasin dan Alor Gajah.
Kenderaan Emisi Sifar	- Kenderaan yang digerakkan oleh satu atau lebih motor elektrik dengan menggunakan tenaga yang disimpan dalam bateri. Bateri tersebut boleh diisi semula di stesen pengecas yang boleh dipasang di rumah atau tempat awam.
Kenderaan Hijau	- Kenderaan bermotor yang menghasilkan kesan yang kurang berbahaya kepada alam sekitar berbanding kenderaan dengan enjin pembakaran dalam konvensional yang setanding.
Kerosakan Besar	- Kerosakan yang mengambil masa lebih daripada 14 hari untuk dibaiki dan mengganggu operasi bangunan dan kemudahan.
Latihan KKP	- Latihan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang dilaksanakan berdasarkan keperluan akta dan peraturan yang berkaitan.
LCI	- <i>Liveable Campus Index</i> (LCI) atau Indeks Kampus Sejahtera mengukur tahap kesejahteraan kampus berdasarkan pelaksanaan operasi, penyelenggaraan dan perkhidmatan fizikal kepada warga Universiti.
Matrik Pengurusan Tenaga MaPTeP	- Sistem yang dibangunkan oleh UTeM untuk menilai prestasi Pengurusan Tenaga PTj di UTeM.
Meeting point	- Tempat untuk bertemu dengan rakan, rakan sekerja, pensyarah, pelajar dan sebagainya bagi pelbagai tujuan formal dan tidak formal dalam suasana kondusif, santai dan mesra.
MyTalent@UTeM	- Pengurusan Bakat Berdasarkan Kompetensi atau dikenali sebagai MyTalent@UTeM dimaksudkan sebagai satu pendekatan untuk menguruskan bakat atau staf merujuk kepada kecekapan yang diperlukan bagi kecemerlangan organisasi, dan menyediakan rangka kerja untuk memastikan penilaian prestasi, pembangunan, latihan, ganjaran dan laluan kerjaya staf diuruskan mengikut kecekapan atau kompetensi yang diperlukan.

Pelan Integriti Komprehensif UTeM	- Merupakan pelan tindakan yang menyeluruh dan praktikal selain dilihat sebagai Pelan yang berdasarkan penilaian risiko yang mampu mengurangkan dan membasmi isu integriti, tadbir urus dan rasuah di UTeM secara khususnya.
Pembangunan fizikal	- Pembangunan projek-projek bangunan baharu termasuk perabot dan infrastruktur baharu, naik taraf dan ubah suai ruang sedia ada termasuk perabot.
Pemeriksaan Tempat Kerja	- Pemeriksaan yang bertujuan mengenal pasti sebarang <i>hazard</i> dan bahaya yang ada ditempat kerja untuk dimaklumkan kepada penghuni tempat kerja berkenaan agar tindakan pengawalan yang bersesuaian dilaksanakan segera.
Pensijilan Jurulatih Profesional	- <i>Training of Trainer</i> (ToT) Staf Akademik oleh Syarikat yang diiktiraf oleh Fakulti dan Universiti untuk mengendalikan kursus pensijilan profesional kepada pelajar.
Pensijilan Profesional	- Bidang profesional yang disokong dengan Akta Parlimen Malaysia atau badan Ikhtisas. Contoh (Ir., Ar., FRCP, Sr., Ta., Ceng, ACCA, MICPA, ICAS, ICAEW, ICAI, NZICA, CICA, CIMA, Mmed etc.
Penyelenggaraan Bangunan dan Kemudahan	- Kerja-kerja untuk mengekalkan bangunan dan kemudahan pada keadaan yang baik dan beroperasi seperti yang diperlukan.
Peratusan OTF	- Peratusan <i>One Time Fix</i> (OTF) atau Pembaikan Tanpa Pengulangan berbanding jumlah aduan diterima dalam tempoh yang dikira.
Perkhidmatan Bangunan dan Kemudahan	- Kerja-kerja yang dilaksanakan untuk memastikan bangunan dan kemudahan berada dalam keadaan yang bersih dan sihat untuk digunakan.
Perkhidmatan Bas Ulang Alik	- Perkhidmatan bas untuk menghantar pelajar dari tempat penginapan ke tempat belajar dan sebaliknya.
Peruntukan Operasi (OE)	- Peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi lazimnya bagi operasi tahunan Universiti.
Peruntukan Pembangunan (DE)	- Peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi lazimnya bagi projek-projek Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT).
Program Amalan Hidup Sihat	- Program-program yang bertujuan memberikan kesedaran serta penghayatan dalam mempromosikan Hidup Sihat kepada staf UTeM yang dilaksanakan oleh semua peringkat.
Repositori Institusi	- Satu platform pengumpulan bahan ilmiah seperti artikel, tesis, bab dalam buku hasil daripada penyelidikan dan penerbitan penyelidik, staf serta pelajar UTeM yang boleh diakses secara dalam talian.

Sijil Pematuhan	- Sijil yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkaitan pematuhan bangunan dan kemudahan kepada akta dan peraturan yang berkuat kuasa.
Sisa bukan organik	- Sisa, sisa atau bahan tidak berguna yang terdiri daripada bahan lengai yang tidak bernyawa atau bahan yang telah diubah untuk digunakan dan dieksploitasi. Sisa bukan organik adalah hasil daripada pelbagai aktiviti manusia yang berkaitan dengan pengeluaran atau penggunaan. Ia dihasilkan dari bahan kimia atau mineral melalui proses transformasi dan pembuatan industri atau bukan semula jadi.
Sisa universiti	- Sisa pepejal selain sisa yang boleh dikitar semula.
Sistem Pemantauan Bas Ulang Alik	- Peralatan elektronik dalam kenderaan yang digunakan untuk memantau pergerakan dan keadaan bas ulang alik serta mempunyai aplikasi untuk menilai tingkah laku pemandu dengan tujuan untuk mengurangkan masalah yang boleh menyebabkan kemalangan berlaku.
Sumber elektronik	- Bahan rujukan/maklumat dalam bentuk digital yang diakses secara elektronik; menggunakan peranti elektronik dan internet yang merangkumi e-buku, pangkalan data, e-jurnal, repositori institusi dan lain - lain.
Tahap Kompetensi yang diperlukan (<i>Required Competency Level</i> - RCL)	- Tahap kecekapan, tingkah laku, kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan oleh staf mengikut skim dan gred yang disandang.
Tenaga boleh diperbaharui	- Tenaga yang dijana daripada sumber semula jadi seperti cahaya suria, angin, hujan, ombak, geoterma, yang boleh diperbaharui secara semula jadi. Teknologi-teknologi tenaga boleh diperbaharui termasuklah kuasa suria, hidroelektrik, biojisim dan bahan bakar bio.
<i>UI GreenMetric World University Rankings</i>	- <i>UI GreenMetric World University Rankings</i> ialah inisiatif Universitas Indonesia yang telah dilancarkan pada tahun 2010. Sebagai sebahagian daripada strateginya untuk meningkatkan kedudukan antarabangsanya, Universiti telah menganjurkan Persidangan Antarabangsa mengenai Kedudukan Universiti Dunia pada 16 April 2009.
UKJK	- Ujian Kecergasan Jasmani Kebangsaan (UKJK) adalah untuk mengukur dan meramal kecergasan fizikal berlandaskan kesihatan seseorang dan terdiri daripada komponen komposisi tubuh, kekuatan otot, kelenturan, daya tahan otot dan kecergasan kardiovaskular.
Wira Bencana	- Tenaga kepakaran dan kemudahan Universiti dalam menyediakan perkhidmatan sukarelawan kepada masyarakat.



Pengenalan UTeM

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) ditubuhkan pada 1 Disember 2000 sebagai Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Teknikal Pertama di Malaysia terletak di negeri Melaka yang diiktiraf sebagai Bandaraya Warisan Dunia oleh UNESCO. UTeM mempunyai dua buah kampus iaitu Kampus Induk di Durian Tunggal dan Kampus Teknologi di Ayer Keroh. Kampus Induk berada di dalam kawasan seluas 725 ekar yang lengkap dengan semua kemudahan dan dikelilingi kehijauan alam sekitar. Manakala Kampus Teknologi pula berada di dalam kawasan industri yang bertepatan dengan visi dan misi UTeM untuk memenuhi keperluan industri.

Sebagai sebuah universiti berfokus, UTeM memfokuskan kepada bidang kejuruteraan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan pengurusan teknologi. UTeM sentiasa mengekalkan reputasinya sebagai penjana modal insan yang mempunyai kepakaran meluas dalam bidang teknikal untuk keperluan sektor industri berteknologi tinggi. Bidang penyelidikan di UTeM juga memberi penekanan kepada bidang yang dikenal pasti mampu meningkatkan kredibiliti dan reputasi UTeM sebagai sebuah universiti teknikal seperti teknologi hijau, kejuruteraan sistem, interaksi manusia-teknologi dan teknologi termaju.

Terdapat sepuluh (10) buah fakulti yang menawarkan pengajian berasaskan kejuruteraan, ICT dan pengurusan daripada peringkat diploma sehingga doktor falsafah. Fakulti-fakulti tersebut adalah:

- Fakulti Kejuruteraan Elektrik
- Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer
- Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
- Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
- Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan
- Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
- Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan
- Pusat Pembelajaran Bahasa, dan
- Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan

UTeM menerima kemasukan pelajar bukan sahaja dari dalam negara malah pelajar antarabangsa. Pelajar-pelajar antarabangsa di UTeM termasuklah dari Indonesia, Saudi Arabia, Chad, Syria, Pakistan, Cameroon, Bangladesh, Tanzania, India, Somalia, Singapura, Qatar, Palestine, Libya, Iraq, Iran, Ghana, France, Yemen, Nigeria dan Jordan.

Visi

**Menjadi Universiti Teknikal
yang kreatif dan inovatif
terkemuka di dunia**

Moto

Kompetensi Teras Kegemilangan

Misi

UTeM bertekad untuk menerajui sumbangan kepada kesejahteraan negara dan dunia dengan:

1. Memartabatkan ilmu melalui pendidikan, penyelidikan dan keserjanaan teknikal yang inovatif.
2. Membentuk pemimpin bersahsiah murni yang profesional.
3. Menjana pembangunan lestari bersama industri dan komuniti.



Sasaran Pendidikan

1

Mengendalikan program akademik dan profesional berlandaskan keperluan industri.

2

Melahirkan graduan dengan pengetahuan yang relevan, kompetensi dalam kemahiran teknikal, kemahiran insaniah dan peka kepada tanggungjawab sosial.

3

Menyemai dalam kalangan graduan kaedah saintifik, berfikiran kritikal, kreatif dan inovatif dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.

4

Menggalakkan pembangunan penyelidikan dan aktiviti dengan kerjasama industri demi menjana kemakmuran negara.

5

Melengkapkan graduan dengan nilai-nilai kepimpinan, komunikasi dan pembelajaran berterusan.

6

Melahirkan graduan berkemahiran teknousahawan dan pengurusan.

7

Melahirkan graduan yang menghargai sastera dan budaya serta menyedari kepentingan budaya hidup sihat.

Nilai-Nilai Teras UTeM

Semenjak penubuhannya, UTeM telah ditadbir berpandukan tatakerja beretika yang menekankan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan dan profesionalisme yang tinggi. UTeM amat yakin bahawa nilai-nilai yang cemerlang akan membentuk budaya gemilang serta dapat menonjolkan karakter Universiti ini pada masa hadapan. Nilai-nilai terpuji berikut akan menjadi garis panduan dalam tindakan yang bakal diambil.



TEKAD UNTUK Cipta Perubahan (PASSIONATE TO MAKE A DIFFERENCE)

Nilai imperatif ini bagi memastikan UTeM muncul sebagai sebuah Universiti yang mana inovasi dan kreativiti dicipta dan digilap. Bagi memastikan kelangsungan ini, minat yang mendalam terhadap apa jua yang dilaksanakan, disertai dengan keberanian melaksanakan perubahan menjadi tunjang kepada pencapaian yang berimpak tinggi.

CEKAL (RESILIENCE)

Usaha ke arah mencipta kelainan dalam operasi sesebuah organisasi akan dirintangi dengan pelbagai cabaran. Justeru, daya juang yang tinggi merupakan antara nilai teras yang patut dimiliki oleh warga Universiti. Melalui nilai ini, kita tidak akan mudah berputus asa walaupun diasak dengan cabaran-cabaran yang besar.

KESETIAAN (LOYALTY)

Nilai kesetiaan yang tinggi perlu ada dalam diri setiap warga Universiti bagi memastikan kesatuan organisasi. Kesetiaan menjadi tunjang kepada semua warga yang merupakan duta kepada Universiti seterusnya dapat meningkatkan rasa kepunyaan kepada Universiti.

INTEGRITI (INTEGRITY)

Dalam rangka mencapai semua yang dihasratkan, nilai integriti perlu dijunjung bersama. Sebarang unsur negatif wajar ditepis dan telus dalam tindakan. Warga Universiti juga harus bertanggungjawab ke atas semua tindakan yang dilakukan.

PROFESIONALISME (PROFESSIONALISM)

Profesionalisme adalah cerminan entiti diri seseorang. Kecemerlangan sistem penyampaian, kualiti kerja yang hebat dan penuh dedikasi akan membuktikan keupayaan dan profesionalisme tinggi kita kepada pemegang taruh.

Senario Terkini Penarafan **UTeM**

QS World University Rankings



THE World University Rankings



#1201+
2023



#601 – 800
2022



BY SUBJECT

#801+
Business & Economics
2023



BY SUBJECT

#801+
Computer Science
2023



BY SUBJECT

#1001+
Engineering
2023

QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS




Menjajar Universiti Melonjak ke Hadapan

Pelan Strategik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) 2023–2025 merupakan penjajaran daripada perancangan Tujuh Sasaran Strategik UTeM 2021–2022 (7 *Strategic Goals*) dan pelaksanaan Pelan Strategik UTeM 2012–2020 sebelum ini. Beberapa pelan strategik UTeM telah dilaksanakan sejak penubuhan Universiti ini pada tahun 2000. Bermula dengan Pelan Strategik 2004–2015, diikuti dengan Pelan Strategik 2006–2010 dan semakannya 2009–2010 yang telah melalui beberapa perubahan. Dalam fasa permulaan perkembangannya, tumpuan diberikan kepada usaha-usaha meletakkan asas sebagai sebuah universiti teknikal dengan menekankan kepada pembangunan sumber manusia, prasarana dan program-program akademik. Seterusnya, penggubalan Pelan Strategik 2012–2020 telah dilaksanakan dengan merumuskan enam (6) tema sebagai bidang tujuan. Usaha berterusan untuk memantapkan perancangan strategik, pihak universiti telah memperkenalkan Pelan Strategik UTeM 2023–2025 yang beraspirasikan **“Menjajar Universiti Melonjak ke Hadapan”** merupakan fasa baharu untuk merealisasikan visi UTeM iaitu “Menjadi Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia”. Begitu juga dengan misi universiti iaitu “UTeM bertekad untuk menerajui sumbangan kepada kesejahteraan negara dan dunia dengan”:

- i. Memartabatkan ilmu melalui pendidikan, penyelidikan dan keserjanaan teknikal yang inovatif
- ii. Membentuk pemimpin bersahsiah murni yang profesional
- iii. Menjana pembangunan lestari bersama industri dan komuniti

Moto atau cogan kata UTeM iaitu “Kompetensi Teras Kegemilangan” juga akan dikekalkan dan diketengahkan. Pembentukan Pelan Strategik Strategik UTeM 2023–2025 ini juga adalah sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025 (Pendidikan Tinggi) yang merangkumi pendekatan pembangunan organisasi berasaskan kecemerlangan perkhidmatan pendidikan, jaringan penyelidikan industri dan komuniti, pembangunan pelajar, kepimpinan sumber manusia, kemudahan sistem dan capaian dan pengurusan kewangan.

Menjajar universiti untuk melonjak ke hadapan melalui 5 Teras Strategik





PENERAJU UTAMA

Profesor Ts. Dr. Massila binti Kamalrudin
Naib Canselor

MEMPERKASA TVET,
MELUNCUR KERJAYA

PENERAJU

Profesor Dr. Zulkiflie bin Ibrahim
Timbalan Naib Canselor
Akademik & Antarabangsa

MEMPROMOSIKAN
RICE,
MENJANA
PENDAPATAN

PENERAJU

Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali bin Omar
Timbalan Naib Canselor
Penyelidikan & Inovasi

MENJUARAI
KHIDMAT INSANI,
MENGUNDANG
KESEJAHTERAAN

PENERAJU

Prof. Madya Datuk Dr. Sabri bin
Mohamad Sharif
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal
Pelajar & Alumni

MENCETUSKAN
EKOSISTEM
RANCAK,
MELESTARIKAN
UNIVERSITI

PENERAJU

Encik Masdzarif bin Mahat
Ketua Pegawai Operasi


MENGEMBANGKAN
NILAI,
MENGGAJIT
KEMAKMURAN

PENERAJU

Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali bin Omar
Timbalan Naib Canselor
Penyelidikan & Inovasi



Menjajar universiti untuk melonjak ke hadapan melalui 5 Teras Strategik



Menjajar universiti untuk melonjak ke hadapan melalui 5 Teras Strategik

Teras Strategik		Inisiatif Strategik (IS)	Indikator Inisiatif Strategik (IIS)	Pelan Tindakan (PT)	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
ST1	Memperkasa TVET, Meluncur Kerjaya	4	10	29	62
ST2	Mempromosikan RICE, Menjana Pendapatan	4	12	18	27
ST3	Menjuarai Khidmat Insani, Mengundang Kesejahteraan	7	13	41	107
ST4	Mencetuskan Ekosistem Rancak, Melestarikan Universiti	14	18	50	79
ST5	Mengembangkan Nilai, Menggamit Kemakmuran	4	21	37	83
		33	74	175	358



Inisiatif Strategik 5ST

* 33 Inisiatif Strategik

TERAS STRATEGIK 2: MEMPROMOSIKAN RICE, MENJANA PENDAPATAN

- Memacu penyelidikan teknikal dengan memperkukuhkan jaringan kerjasama pintar bersama industri dan komuniti
- Menterjemahkan penyelidikan dan inovasi kepada pengkomersilan serta perundingan
- Memperkasakan perniagaan produk penyelidikan dan keusahawanan teknikal bersama UTeM Holdings Sdn. Bhd.
- Memperkasakan Syarikat Universiti

TERAS STRATEGIK 1: MEMPERKASA TVET, MELUNCUR KERJAYA

- Mengukuhkan pelaksanaan TVET
- Menyediakan tenaga Kerja tersedia industri
- Mempertingkatkan jalinan kerjasama institusi TVET setempat
- Pendidikan TVET setempat



TERAS STRATEGIK 3: MENJUARAI KHIDMAT INSANI, MENGUNDANG KESEJAHTERAAN

- Menjuarai MTUN melalui kecekapan dan kesejahteraan TUAH di peringkat Nasional /Global
- Meningkatkan Kebolehpasaran Graduan (GE) melalui industri yang berkaitan
- Mensinergikan graduan usahawan teknologi yang sangat kompeten dan berkemahiran (pencipta peluang pekerjaan)
- Memperkasakan Alumni UTeM sebagai sebuah entiti UTeM untuk menjadi perantara kepada industri dan pasaran kerja
- Merangsang Kesukarelawanan
- Memperkasakan penyampaian Pelan Kebajikan Staf
- Mensejahterakan Negeri Melaka melalui PSMJ 2035

Inisiatif Strategik 5ST

*33 Inisiatif Strategik

TERAS STRATEGIK 4: MENCETUSKAN EKOSISTEM RANCAK, MELESTARIKAN UNIVERSITI

- Memperkasa pengetahuan akademik dan pengalaman yang relevan dengan keperluan industri dan komuniti
- Memperkasa kompetensi untuk meningkatkan produktiviti serta kecekapan semua staf merangkumi staf pentadbiran dan sokongan untuk menyokong *F1 Team*
- Membangun dan mengekalkan kecemerlangan kepimpinan (*F1 Team*)
- Membudayakan mentaliti kelas pertama dalam ekosistem UTeM
- Memastikan sistem tadbir urus yang boleh dipercayai, mampan dan mesra
- Mengoptimumkan produktiviti melalui kecekapan dan keberkesanan kos
- Meningkatkan penggunaan langganan sumber elektronik PLH
- Memperkasakan PLH sebagai *collaborative space* dan *meeting point* untuk warga kampus
- Memperkasakan repositori institusi UTeM

- Memastikan akses kepada infrastruktur dan infostruktur digital yang berpatutan, boleh dipercayai, mampan dan bersepadu untuk semua
- Mengukuhkan hub data raya berpusat yang menyokong kampus pintar dalam membuat keputusan strategik berasaskan data
- Mewujudkan kampus sejahtera untuk didiami melalui pengurusan infrastruktur yang mampan, persekitaran kampus yang selamat dan perkhidmatan kemudahan yang cemerlang
- Perancangan dan pembangunan tanah di dalam kampus Induk UTeM seiring dengan perancangan pembangunan fizikal universiti 2021-2030 dan perancangan akademik
- Perancangan tanah di sekitar UTeM bersama Kerajaan Negeri, MPHTJ, MPAG dan MPJ dalam industri, pertanian, perumahan, komersial dan koridor pendidikan dengan mengambil kira Sasaran Rekabentuk Lestari, Rekabentuk Universal dan rangkaian jalan yang sistematik



TERAS STRATEGIK 5: MENGEMBANGKAN NILAI, MENGGAJIT KEMAKMURAN

- Mewujudkan konsep penglibatan *Quadruple Helix*
- Melebarkan jaringan strategik melalui pengantarabangsaaan
- Mempertingkatkan aktiviti penjana pendapatan
- Pengukuhan penjenamaan dan kedudukan



Teras Strategik 1

MEMPERKASA TVET, MELUNCUR KERJAYA

Teras ini digubal bertujuan untuk mengembalikan UTeM kepada DNA asalnya iaitu sebagai sebuah universiti teknikal yang menyumbang secara langsung ke arah memperhebatkan agenda pemerkasaan pendidikan TVET negara supaya mampu melahirkan pekerja mahir terlatih serta berupaya mencipta peluang pekerjaan sendiri dengan minda keusahawanan seterusnya menyumbang kepada produktiviti dan pertumbuhan ekonomi negara.

Pemilik Utama - Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Pemilik bersama - UTeM Holdings Sdn. Bhd.



**** 4 INISIATIF STRATEGIK (IS)**
**** 10 INDIKATOR INISIATIF STRATEGIK (IIS)**
**** 29 PELAN TINDAKAN (PT)**
**** 62 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)**

Teras Strategik 1

MEMPERKASA TVET, MELUNCUR KERJAYA

IS1.1 Mengukuhkan pelaksanaan TVET



Penggubalan dasar menjurus TVET

- Menubuhkan unit TVET dan Jawatankuasa TVET UTeM
- Menghasilkan Pelan Perancangan (*Blueprint*) TVET UTeM
- Menghasilkan Dasar/ Polisi berkaitan TVET
- Penarafan Makmal TVET



Memanfaatkan Alumni TVET sebagai penghubung industri dan pasaran

- Menubuhkan TVET Alumni *Chapter*/ tahun dari institusi dan industri di dalam dan luar negara
- Memperkasakan jalinan dengan Rakan Strategik Industri /Institusi TVET dalam dan luar negara eg : *Industry Roundtable, IAP, MoU/MoA* bersama Industri , WBL, *Apprenticeship*)



Teras Strategik 1

MEMPERKASA TVET, MELUNCUR KERJAYA

IS1.2 Menyediakan tenaga kerja
tersedia industri



Menawarkan program Akademik TVET

- Memperkasa kurikulum TVET
- Membangunkan program baharu TVET (Diploma/ Sarjana Muda / Pascasiswazah)
- Mencapai sekurang- kurangnya 3 bintang penarafan pencapaian program akademik pascasiswazah TVET
- 100% program TVET yang matang diktiraf badan akreditasi
- Penyampaian transformatif (*Transformative Delivery*) e.g : AR/VR, *Experiential*

Meningkatkan kompetensi Staf berteraskan TVET

- Meningkatkan kompetensi staf melalui program *upskilling/reskilling*
- Meningkatkan kompetensi staf dalam kaedah dan penilaian PdP TVET

Meningkatkan fasiliti berteraskan TVET

- Memperkasa fungsi *Teaching Factory*
- Menyediakan makmal / bengkel berkompetensi tinggi berasaskan TVET
- Memperkukuhkan fasiliti PdP



Teras Strategik 1

MEMPERKASA TVET, MELUNCUR KERJAYA

IS1.2 Menyediakan tenaga kerja tersedia industri



Meningkatkan ketersediaan industri pelajar

- Menyediakan laluan kemasukan secara fleksibel (*Flexible Entry Pathway*)
- Meningkatkan jumlah GE TVET UTeM
- Mewajibkan pensijilan profesional
- 100% Latihan Industri Berstruktur dalam tempoh 3 tahun
- Meningkatkan mobiliti pelajar (*Inbound/Outbound*)
- Merancang aktiviti promosi dan penjenamaan program TVET




Teras Strategik 1

MEMPERKASA TVET, MELUNCUR KERJAYA

IS1.3 Mempertingkatkan jalinan kerjasama TVET industri setempat

Menawarkan khidmat perundingan / CSR/ KTP/ STEM kepada institusi TVET

Khidmat perundingan / CSR/ KTP/ STEM dalam tempoh 3 tahun kepada institusi TVET



Teras Strategik 1

MEMPERKASA TVET, MELUNCUR KERJAYA

IS1.4 Pendidikan TVET setempat

Penubuhan Sekolah Antarabangsa

Penubuhan Sekolah Antarabangsa UTeM-KYS di Melaka melalui kerjasama dengan Kolej Yayasan Saad (KYS)

- Sekolah antarabangsa
- Prasekolah
- Sekolah rendah
- Sekolah menengah

Penubuhan Program *Foundation*

Penubuhan Program *Foundation* Sekolah Antarabangsa UTeM-KYS di Melaka melalui kerjasama dengan *International Foundation Group*

Penubuhan Sekolah Teknikal Swasta

Penubuhan sekolah menengah atas aliran teknikal bagi murid-murid di antara umur 15-17 tahun sebagai *feeder* kepada UTeM melalui kerjasama dengan Kolej Yayasan Saad (KYS)



Teras Strategik 1

- Indikator Inisiatif Strategik (IIS)
- Pelan Tindakan (PT)
- Petunjuk Prestasi Utama (KPI)



MEMPERKASA TVET, MELUNCUR KERJAYA

- Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- UTeM Holdings Sdn. Bhd.

Teras Strategik 1 : Memperkasa TVET, Meluncur Kerjaya

IS1.1 Mengukuhkan pelaksanaan TVET

QS WUR: C1, C2, C3, C4, C5, C6



IS1.1 Mengukuhkan pelaksanaan TVET

1.1.1 Penggubalan dasar menjurus TVET

PELAN TINDAKAN	KPI	2023 - 2024 - 2025
1.1.1.1 Menubuhkan 1 unit / Jawatankuasa TVET UTeM	1.1.1.1.1 1 unit TVET/ 1 Jawatankuasa TVET ditubuhkan di bawah PPPA - Garis Dasar : Inisiatif Baharu - Sasaran 2025 : 1 JK TVET di tubuhkan pada tahun 2023	
1.1.1.2 Menghasilkan 1 Pelan Perancangan (<i>Blueprint</i>) TVET UTeM	1.1.1.2.1 Menghasilkan 1 Pelan Perancangan (<i>Blueprint</i>) TVET UTeM - Garis Dasar : Inisiatif Baharu - Sasaran 2025 : 1 Pelan Perancangan (<i>Blueprint</i>) TVET telah dihasilkan pada tahun 2023	

IS1.1 Mengukuhkan pelaksanaan TVET
1.1.1 Penggubalan dasar menjurus TVET

PELAN TINDAKAN	KPI	2023 - 2024 - 2025
1.1.1.3 Menghasilkan dasar/polisi berkaitan TVET	1.1.1.3.1 Polisi, dasar dan garis panduan berkaitan TVET UTeM (governan, industri, kualiti, pembiayaan & penjenamaan) - Garis Dasar : Inisiatif Baharu - Sasaran 2025 : 4 Polisi, Dasar, Garis Panduan berkaitan TVET UTeM dihasilkan	2 → 3 → 4
	1.1.1.3.2 Rakan strategik bersama MTNET Antarabangsa /Negara (MTNET Negara/MTNET Negeri /German BBS ME (Fakulti)/China-Guangzhou College (Fakulti)/Indonesia/Malaysia/ Thailand-IMTGT) Garis Dasar : 5 - Sasaran 2025 : Peningkatan 1 rakan strategik bersama MTNET Antarabangsa	5 → 6 → 6
	1.1.1.3.3 Kerjasama bersama MTUN/ JPPKK/ Agensi Kerajaan Artikulasi JPPKK/Artikulasi MARA/MTUN) Garis Dasar : 2 - Sasaran 2025 : Peningkatan 5 rakan kerjasama bersama MTUN/JPPKK/Agensi Kerajaan	5 → 6 → 7
	1.1.1.3.4 Kerjasama bersama industri TVET Garis Dasar : 16 - Sasaran 2025 : Peningkatan 9 rakan kerjasama bersama industri TVET	16 → 20 → 25

IS1.1 Mengukuhkan pelaksanaan TVET

1.1.1 Penggubalan dasar menjurus TVET

PELAN TINDAKAN	KPI	2023 - 2024 - 2025
1.1.1.4 Penarafan makmal TVET	1.1.1.4.1 1 Pelan penarafan makmal berasaskan TVET dihasilkan (penetapan kriteria/instrumen) - Garis Dasar : Inisiatif Baharu - Sasaran 2025 :1 pelan penarafan makmal berasaskan TVET telah dihasilkan pada tahun 2023	1 - -

IS1.1 Mengukuhkan pelaksanaan TVET

1.1.2 Memanfaatkan Alumni TVET sebagai penghubung industri dan pasaran

PELAN TINDAKAN	KPI	2023 - 2024 - 2025
1.1.2.1 Menubuhkan 1 TVET Alumni <i>Chapter</i> / tahun dari institusi dan industri di dalam dan luar negara	1.1.2.1.1 Menubuhkan Alumni Chapter baharu berkaitan TVET - Garis Dasar : Inisiatif Baharu - Sasaran 2025 : Penubuhan 3 Alumni <i>Chapter</i> baharu berkaitan TVET	
1.1.2.2 Memperkasakan jalinan dengan Rakan Strategik Industri / Institusi TVET dalam dan luar negara (eg : <i>Industry Roundtable</i> , IAP, MoU MoA bersama Industri, WBL, <i>Apprenticeship</i>)	1.1.2.2.1 Bilangan kolaborasi dengan Institusi TVET (eg : <i>jerayawara</i> / seminar/ etc) - Garis Dasar : 4 - Sasaran 2025 : 22 program dijalankan dengan kolaborasi dengan institusi TVET sepanjang 2023-2025 (6 program/tahun)	
	1.1.2.2.2 Memeterai MoU / MoA baharu berkaitan TVET (1 Fakulti TVET: 1 MoU / MoA setiap tahun) - Garis Dasar : 22 - Sasaran 2025 : 15 MoU/ MoA baharu dimeterai (5 MoU/ MoA setiap tahun)	

Teras Strategik 1 : Memperkasa TVET, Meluncur Kerjaya

IS1.2 Menyediakan tenaga kerja tersedia industri

QS WUR: C1, C2,
C3, C4, C5, C6



IS1.2 Menyediakan tenaga kerja tersedia industri
1.2.1 Menawarkan program akademik TVET

PELAN TINDAKAN	KPI	2023 - 2024 - 2025
1.2.1.1 Memperkasa kurikulum TVET	1.2.1.1.1 Bilangan program mod industri apprenticeship (FTKMP/FTKEE/FTMK/ - Garis Dasar : 8 - Sasaran 2025 : 15 program mod industri <i>apprenticeship</i> (peningkatan 7 program) ditawarkan	12 → 14 → 15
	1.2.1.1.2 Bilangan program <i>joint degree or dual degree/double degree</i> menjurus TVET (FTMK/ Fak . Kejuruteraan - Garis Dasar : Inisiatif Baharu - Sasaran 2025 : 10 program <i>joint degree or dual degree/ double degree</i> ditawarkan	2 → 4 → 10
	1.2.1.1.3 Bilangan Program Baharu Fleksibel / Kursus Sijil Profesional)/ ODL FPTT-1 (ODL)/ FTMK-1 (ODL)/ Sijil profesional dalam kurikulum-1/ fakulti (4 sijil profesional) - Garis Dasar : Inisiatif Baharu - Sasaran 2025 : 18 program baharu fleksibel/kursus (Sijil Profesional)/ODL ditawarkan	6 → 12 → 18
	1.2.1.1.4 Program kejuruteraan yang mempunyai komponen TVET (1 program/ Fakulti Kejuruteraan) - Garis Dasar : Inisiatif Baharu - Sasaran 2025 : 8 program kejuruteraan yang mempunyai komponen TVET ditawarkan	4 → 6 → 8

IS1.2 Menyediakan tenaga kerja tersedia industri

1.2.1 Menawarkan program akademik TVET

PELAN TINDAKAN	KPI	2023 - 2024 - 2025
1.2.1.2 Membangunkan Program Baharu TVET (Diploma/ Sarjana Muda / Pascasiswazah)	1.2.1.2.1 Bilangan program pascasiswazah berkaitan TVET (PG Level 7 & 8) Pascasiswazah: (i) FTKMP : 2 program - Master of Tech & Doctor of Technology (ii) FTKEE : 2 program - Master of Tech & Doctor of Technology (iii) IPTK & FTMK : 1 program - Sarjana berkaitan TVET - Garis Dasar : Inisiatif Baharu - Sasaran 2025 : 5 program pascasiswazah berkaitan TVET dibangunkan	2 → 4 → 5
	1.2.1.2.2 Bilangan program TVET baharu prasiswazah 16 program B.Tech (2022: 6 prog B.Tech) 14 program Eng. Tech (2022: 14 prog Eng. Tech) - Garis Dasar : 20 program - Sasaran 2025 : 10 program baharu TVET prasiswazah dibangunkan menjadikan jumlah program sebanyak 30 program	23 → 25 → 30

IS1.2 Menyediakan tenaga kerja tersedia industri

1.2.1 Menawarkan program akademik TVET

PELAN TINDAKAN	KPI	2023 - 2024 - 2025
1.2.1.3 Mencapai sekurang kurangnya 3 bintang penarafan pencapaian program akademik pascasiswazah TVET	1.2.1.3.1 Bilangan program pascasiswazah TVET dengan sekurang kurangnya 3 bintang (<i>star rating</i> merujuk kepada penarafan program pascasiswazah) 1. IPTK 2. FTKEE 3. FTKMP - Garis Dasar : Inisiatif Baharu - Sasaran 2025 : 3 program pascasiswazah TVET mencapai sekurangkurangnya 3 Bintang	
1.2.1.4 100% Program TVET yang matang diktiraf badan akreditasi	1.2.1.4.1 Peratusan program TVET matang yang telah mendapat akreditasi penuh (tahun semasa) FTKEE & FTKMP : 14 program matang / 20 program - Garis Dasar : 100% - Sasaran 2025 : Mengekalkan 100% program TVET matang yang mendapat akreditasi penuh	

IS1.2 Menyediakan tenaga kerja tersedia industri

1.2.1 Menawarkan program akademik TVET

PELAN TINDAKAN	KPI	2023 - 2024 - 2025
1.2.1.5 Penyampaian Transformatif (<i>Transformative Delivery</i>) (e.g : AR/VR, <i>Experiential Learning</i>)	1.2.1.5.1 Bilangan kursus modul diterapkan dengan program/ aktiviti SULAM :1/fakulti - Garis Dasar : 4 - Sasaran 2025 : 8 kursus modul diterapkan dengan program/ aktiviti SULAM	6 → 7 → 8
	1.2.1.5.2 Bilangan kursus modul baharu yang melaksanakan teknologi pedagogi terkini ((VR / AR)/ - Garis Dasar : 10 - Sasaran 2025 : 32 kursus / modul yang telah dilaksanakan dengan teknologi terkini	15 → 22 → 32
	1.2.1.5.3 Bilangan kursus elektif modul interdisiplin (<i>interdisciplinary</i>)/ antara disiplin (<i>multidisciplinary</i>) 1 kursus baharu /program - Garis Dasar : 5 - Sasaran 2025 : 20 kursus / modul interdisiplin / antara disiplin ditawarkan	10 → 15 → 20

IS1.2 Menyediakan tenaga kerja tersedia industri

1.2.2 Meningkatkan kompetensi staf berteraskan TVET

PELAN TINDAKAN	KPI	2023 - 2024 - 2025
1.2.2.1 Meningkatkan kompetensi staf melalui program <i>upskilling/ reskilling</i>	1.2.2.1.1 Bilangan program latihan berkaitan Sijil Kompetensi / Profesional bagi program TVET untuk staf akademik - Garis Dasar : 1 - Sasaran 2025 : 7 program latihan sijil kompetensi/ profesional berkaitan program TVET telah dijalankan untuk staf akademik	3 → 5 → 7
	1.2.2.1.2 Bilangan program latihan Sijil Kompetensi / Profesional untuk staf akademik - Garis Dasar : 2 - Sasaran 2025 : 8 program latihan sijil kompetensi (selain program TVET) telah dijalankan untuk staf akademik	5 → 8 → 8
	1.2.2.1.3 Bilangan program latihan Sijil Kompetensi untuk staf teknikal berkaitan program TVET - Garis Dasar : Inisiatif Baharu - Sasaran 2025 : 5 program latihan Sijil Kompetensi untuk staf teknikal berkaitan program TVET telah dijalankan	3 → 4 → 5
	1.2.2.1.4 Bilangan staf mengikuti Sangkut Industri - Garis Dasar : 6 - Sasaran 2025 : 33 staf telah mengikuti Sangkut Industri dari 2023 hingga 2025 (peningkatan 27 staf)	8 → 18 → 33

IS1.2 Menyediakan tenaga kerja tersedia industri

1.2.2 Meningkatkan kompetensi staf berteraskan TVET

PELAN TINDAKAN	KPI	2023 - 2024 - 2025
1.2.2.2 Meningkatkan kompetensi staf dalam kaedah dan penilaian PdP TVET	1.2.2.2.1 Bilangan latihan kompetensi berkaitan PdP untuk staf akademik eg : TVET Pedagogy, TVET Cybergogy - Garis Dasar : 14 - Sasaran 2025 : 20 program latihan kompetensi berkaitan PdP telah dijalankan untuk staf akademik	16 → 18 → 20

1.2.3 Meningkatkan fasiliti berteraskan TVET

1.2.3.1 Memperkasa fungsi Teaching Factory	1.2.3.1.1 Bilangan kolaborasi industri berkaitan proses pembuatan di TF (contoh production line) - Garis Dasar : Inisiatif Baharu - Sasaran 2025 : 5 kolaborasi industri berkaitan proses pembuatan di TF	1 → 3 → 5
	1.2.3.1.2 Bilangan pelajar menjalani latihan industri di TF - Garis Dasar : 20 - Sasaran 2025 : 180 pelajar menjalani latihan industri di TF dari 2023 hingga 2025	50 → 110 → 180
	1.2.3.1.3 Bilangan Hub Latihan / aktiviti di TF - Garis Dasar : Inisiatif Baharu - Sasaran 2025 : 1 hub latihan/ aktiviti di TF bermula dari tahun 2023 hingga 2025	1 → 1 → 1

IS1.2 Menyediakan tenaga kerja tersedia industri

1.2.3 Menawarkan fasiliti berteraskan TVET

PELAN TINDAKAN	KPI	2023 - 2024 - 2025
1.2.3.2 Menyediakan makmal / bengkel berkompetensi tinggi berasaskan TVET	1.2.3.2.1 Bilangan Makmal / Bengkel berasaskan TVET 1. ST IOT FKEKK 2. Makmal Huawei FTMK 3. Makmal Cybersecurity FTMK 4. Makmal Pneumatik Hidraulic FKE 5. Makmal DreamEdge FTKMP 6. SMC PLC - FTKEE - Garis Dasar : 6 - Sasaran 2025 : 15 makmal/bengkel baharu berasaskan TVET disediakan (peningkatan 9 makmal/bengkel)	8 → 10 → 15
1.2.3.3 Memperkukuh fasiliti PdP	1.2.3.3.1 Bilangan fasiliti (Info dan infra) PdP (industry based/ cybergogy approach/ learning resources) Ulearn. Sedia ada BYOD-20 RECAP-1 CLEAR-8 ULEARN-1 UCRED-1 EXAM PORTAL-1 - Garis Dasar : 32 - Sasaran 2025 : 6 fasiliti (info dan infra) tambahan disediakan	34 → 36 → 38

IS1.2 Menyediakan tenaga kerja tersedia industri

1.2.4 Meningkatkan ketersediaan industri pelajar

PELAN TINDAKAN	KPI	2023 - 2024 - 2025
1.2.4.1 Menyediakan laluan kemasukan secara fleksibel (<i>Flexible Entry Pathway</i>)	1.2.4.1. Pusat APEL - 1 Jumlah kemasukan pelajar melalui APEL untuk program TVET - Garis Dasar : Inisiatif Baharu - Sasaran 2025 : 70 pelajar masuk melalui APEL sepanjang 2023-2025	
1.2.4.2 Meningkatkan jumlah GE TVET UTeM	1.2.4.2.1 % Kebolehpasaran graduan (GE) TVET UTeM - Garis Dasar : 88% - Sasaran 2025 : Kebolehpasaran TVET meningkat kepada 95% (peningkatan 7%)	

IS1.2 Menyediakan tenaga kerja tersedia industri
1.2.4 Meningkatkan ketersediaan industri pelajar

PELAN TINDAKAN	KPI	2023 - 2024 - 2025
1.2.4.3 Mewajibkan pensijilan profesional	1.2.4.3.1 Bilangan kursus baharu pensijilan profesional/ sijil kompetensi - Garis Dasar : 32 - Sasaran 2025 : Tambahan 13 kursus baharu pensijilan profesional/sijil kompetensi	
	1.2.4.3.2 Bilangan aktiviti /program dengan elemen keusahawanan/ revolusi industri masa hadapan - Garis Dasar : 10 - Sasaran 2025 : Tambahan 15 aktiviti/program dengan elemen keusahawanan/ revolusi industri masa hadapan	
	1.2.4.3.3 Bilangan program akademik prasiswazah yang mempunyai elemen revolusi industri masa hadapan - Garis Dasar : 10 - Sasaran 2025 : 44 program akademik prasiswazah yang mempunyai elemen revolusi industri masa hadapan (peningkatan 34 program)	

IS1.2 Menyediakan tenaga kerja tersedia industri

1.2.4 Meningkatkan ketersediaan industri pelajar

PELAN TINDAKAN	KPI	2023 - 2024 - 2025
1.2.4.4 100% Latihan Industri Berstruktur dalam tempoh 3 tahun	1.2.4.4.1 Bilangan industri yang menyediakan latihan industri berstruktur / SIAP/ WBL/ SULAM/ Apprenticeship - Garis Dasar : 16 - Sasaran 2025 : 40 industri yang menyediakan latihan industri berstruktur / SIAP/ WBL/ SULAM/ Apprenticeship sepanjang 2023-2025	20 → 30 → 40
	1.2.4.4.2 Bilangan pelajar yang menjalani latihan industri berstruktur / SIAP/ WBL/ SULAM/ Apprenticeship - Garis Dasar : 56 - Sasaran 2025 : 600 pelajar yang menjalani latihan industri berstruktur / SIAP/ WBL/ SULAM/ Apprenticeship sepanjang 2023-2025	150 → 350 → 600
1.2.4.5 Meningkatkan Mobiliti Pelajar (Inbound/ Outbound)	1.2.4.5.1 Bilangan pelajar mobiliti inbound/ outbound antarabangsa tidak berkredit (minimum 2 minggu) - 20 pelajar fakulti - Garis Dasar : 100 - Sasaran 2025 : 480 pelajar mobiliti inbound/ outbound antarabangsa (minimum 2 minggu) sepanjang 2023-2025	160 → 320 → 480
	1.2.4.5.2 Bilangan pelajar mobiliti inbound/outbound antarabangsa berkredit (1 Sem) 20 pelajar/fakulti @ 10 pelajar/ sem - Garis Dasar : 25 - Sasaran 2025 : 480 pelajar mobiliti inbound/outbound antarabangsa berkredit sepanjang 2023-2025	160 → 320 → 480

IS1.2 Menyediakan tenaga kerja tersedia industri
1.2.4 Meningkatkan ketersediaan industri pelajar

PELAN TINDAKAN	KPI	2023 - 2024 - 2025
1.2.4.6 Merancang aktiviti promosi dan penjenamaan program TVET	1.2.4.6.1 8 aktiviti promosi/tahun (1 program/ fakulti) - Garis Dasar : 3 - Sasaran 2025 : 24 aktiviti promosi sepanjang 2023-2025	11 → 19 → 27
	1.2.4.6.2 Bilangan enrolmen keseluruhan pelajar - Garis Dasar : 13,000 - Sasaran 2025 : Bilangan enrolmen pelajar keseluruhan (UG & PG) meningkat kepada 19,000 pelajar (peningkatan 6,000 pelajar)	15,000 → 17,000 → 19,000
	1.2.4.6.3 Bilangan enrolmen pelajar pascasiswazah - Garis Dasar : 1,300 - Sasaran 2025 : Bilangan enrolmen pelajar pascasiswazah meningkat kepada 4,000 pelajar (peningkatan 2,700 pelajar)	2,000 → 3,000 → 4,000
	1.2.4.6.4 Bilangan enrolmen pelajar prasiswazah - Garis Dasar : 12,000 - Sasaran 2025 : Bilangan enrolmen pelajar prasiswazah meningkat kepada 15,000 pelajar (peningkatan 3,000 pelajar)	13,000 → 14,000 → 15,000
	1.2.4.6.5 Bilangan enrolmen pelajar prasiswazah TVET - Garis Dasar : 8,248 - Sasaran 2025 : Bilangan enrolmen pelajar TVET meningkat kepada 10,000 pelajar (peningkatan 1,752 pelajar)	9,000 → 9,500 → 10,000

IS1.2 Menyediakan tenaga kerja tersedia industri

1.2.4 Meningkatkan ketersediaan industri pelajar

PELAN TINDAKAN	KPI	2023 - 2024 - 2025
1.2.4.6 Merancakkan aktiviti promosi dan penjenamaan program TVET	1.2.4.6.6 Bilangan pelajar pascasiswazah peringkat Ijazah Kedoktoran yang bergraduat - Garis Dasar : 70 orang (2022) - Sasaran 2025 : Bilangan pelajar pascasiswazah peringkat Ijazah Kedoktoran yang bergraduat meningkat kepada 150 orang	
